


# Kerajaan batal sambutan tahun baharu, anjur solat hajat dan doa selamat

Khamis, 30 Disember 2021 10:00 PM



Sambutan tahun baharu digantikan dengan Solat Hajat dan Malaysia Berzikir Ambang 2022 pada 31 Disember 2021 di Masjid Putra, Putrajaya.

**SEBAGAI** tanda hormat dan bersimpati dengan mangsa banjir yang melanda beberapa negeri, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kerajaan akan membatalkan sambutan tahun baharu 2022.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan sebaliknya akan menganjurkan solat hajat dan doa selamat pada malam ambang tahun baharu.

"Saya telah meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) untuk menganjurkan Solat Hajat dan Malaysia Berzikir Ambang 2022 pada 31 Disember 2021 di Masjid Putra, Putrajaya.

"Dengan itu, saya mengajak Keluarga Malaysia untuk solat Maghrib berjemaah, solat hajat dan doa selamat di Masjid Putra, Putrajaya pada malam esok.

"Bagi mereka yang tidak berpeluang hadir, boleh mengikuti siaran secara langsung di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV Al-Hijrah," katanya dalam catatan di **Facebook** pada Khamis.

Ismail Sabri turut menyarankan agar masjid-masjid di seluruh negara, terutamanya masjid negeri menganjurkan majlis yang sama.

Manakala kata beliau, Keluarga Malaysia yang bukan beragama Islam boleh melakukan sembahyang mengikut kepercayaan dan agama masing-masing.

"Semoga usaha kita semua mendapat keberkatan dan Malaysia akan menjadi lebih baik daripada tahun-tahun sebelum ini," katanya.